



# Sungai Limau uji wibawa Mukhriz

**P**ilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Limau pada 4 November ini dilihat lebih kepada ujian terhadap kemampuan dan kredibiliti kepemimpinan Menteri Besar Kedah yang baru Datuk Mukhriz Mahathir.

Rata-rata pemerhati politik dan masyarakat ingin melihat sejauh mana kredibiliti mahupun aura Mukhriz mampu membawa kemenangan kepada Barisan Nasional (BN) umumnya dan UMNO khususnya.

Hal ini cukup signifikan kerana Mukhriz yang tampil dengan imej baru selepas dilantik sebagai Menteri Besar sejurus selepas PRU-13 mula dilihat sebagai pemimpin-harapan dan pelapis masa hadapan UMNO dan BN.

Beliau disifatkan mempunyai karisma dan pengaruhnya tersendiri, terutama dalam membawa agenda transformasi iaitu mere-majakan UMNO dan juga BN.

Perkara ini dikuatkan lagi dengan prestasi memberangsangkan dan membanggakan Mukhriz dalam persaingan pemilihan jawatan Naib Presiden UMNO baru-baru ini iaitu walaupun calon muka baru tetapi saingan sengit yang diberikan kepada salah seorang penyandang jawatan begitu memeranjatkan semua pihak.

Ini tambahan pula dengan undi popular yang tinggi diperoleh beliau membuktikan pengaruh kuat di peringkat akar umbi dari seluruh negara.

Justeru, PRK Sungai Limau ini sebenarnya menjadi medan terbaik untuk semua pihak mengukur kemampuan dan kredibiliti Mukhriz dalam memimpin arus perubahan dan kemenangan di kubu kuat PAS.

Tatkala pengaruh Allahyarham Datuk Seri Azizan Abdul Razak dilihat masih kuat, namun kehebatan dan pengaruh Mukhriz yang tampil dengan slogan 'Berani Hijrah' tidak boleh dipandang rendah.

Mukhriz sudah semestinya mengharapakan kemenangan dalam PRK pertama beliau sebagai Menteri Besar Kedah, terutama untuk memantapkan sistem dan corak pentadbiran kerajaan negeri secara menyeluruh agar dapat memberikan perkhidmatan terbaik kepada seluruh rakyat Kedah.

Kemenangan di Sungai Limau ini bakal memuktamadkan sokongan seluruh rakyat Kedah ke



**MUKHRIZ (tengah) beramah mesra dengan guru selepas Majlis Perjumpaan Warga Pendidik bersama Menteri Besar Kedah di SMK Dulang, Yan.**

atas beliau dan pimpinan kerajaan negeri.

Walaupun BN dan UMNO menurunkan calon yang tidak kurang hebat dari segi latar belakang pendidikan iaitu Dr Ahmad Sohaimi Lazim yang juga bekas Pensyarah UPSI, namun pengundi perlu sedar bahawa setiap undi bakal mereka berikan adalah undi kepada kerajaan negeri pimpinan Menteri Besar baru yang sedang menerajui proses transformasi negeri agar dapat membangunkan Kedah supaya setanding dengan negeri lain.

## Politik harmoni

Dalam hal ini, budaya politik baru atau budaya politik harmoni yang cuba ditampilkan oleh Mukhriz sewajarnya menterjemahkan kehebatan dan keikhlasan beliau dalam menyediakan perkhidmatan dan kepemimpinan yang terbaik kepada rakyat.

Dari awal lagi Mukhriz sudah bertekad untuk tidak melayan segala jenis tohmahan dan fitnah yang cuba dikaitkan dengan beliau sebaliknya menyeru semua pihak agar bertanding secara profesional dan atas dasar semangat setia kawan dan harmoni antara kedua-dua pihak bertanding.

Malah banyak pihak melihat ini sebagai pendekatan dan langkah berani Mukhriz yang mungkin boleh merintis jalan ke arah paduan UMNO dan PAS pada masa hadapan.

Sewajarnya kedua-dua pihak baik kem UMNO mahupun PAS menyahut hasrat dan pendekatan Mukhriz ini seterusnya beralih dari segala jenis kempen mahupun politik murahan yang boleh menimbulkan pelbagai tohmahan

dan fitnah secara berterusan.

Kita perlu insaf dan sedar bahawa rakyat makin muak dengan politik kotor dan tuduh menuduh menyelubungi politik tanah air selama ini.

Rakyat, terutama pengundi muda mahukan politik yang lebih telus, bebas, matang dan profesional.

Penulis percaya dalam hal ini pen-

dekatan 'Berani Hijrah' Mukhriz jawapan terbaik kepada hasrat murni majoriti rakyat kita yang mahu lihat senario dan landskap politik melalui proses transformasi menyeluruh dengan segera. Dan kalau boleh biarlah PRK Sungai Limau ini merintis jalan ke arah proses terbabit.

Kita percaya pengundi Sungai Limau jauh lebih arif dan bijak dalam membuat keputusan. Pilihan raya kecil kali ini juga agak mudah dan sewajarnya tiada masalah untuk menilai kredibiliti kedua-dua parti yang bertanding.

Hal ini kerana PAS adalah kerajaan lalu dan BN pula mengemudi Kedah sejak Mei tahun ini.

Justeru, pengundi sudah boleh menilai kemampuan dan keikhlasan masing-masing. Apa yang penting pengundi perlu sedar bahawa tatkala PAS cuba untuk mempertahankan kerusi dan pengaruh mereka, BN pula pada dasarnya kalau diikutkan tidak perlu bersusah payah untuk merebut kerusi ini kerana apa jua keputusannya kelak ia tidak akan menjejaskan kedudukan dalam mentadbir kerajaan negeri.

Jelas keputusan PRK ini dinantikan oleh semua pihak untuk melihat sejauh mana rakyat menyahut cabaran 'Berani Hijrah' pendekatan baru Mukhriz demi budaya politik harmoni baru yang bakal menyuburkan sistem politik demokrasi negara kita.

Ringkasnya pilihan sekarang di tangan pengundi Sungai Limau sama ada mahu 'kalih' dan 'Berani Hijrah' ataupun terus 'kekal'.

Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Putra Malaysia

**FAKTA**  
Apa jua keputusan ia tidak akan menjejaskan kedudukan dalam mentadbir kerajaan negeri